

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknpp.gov.my](http://www.pknpp.gov.my)

## SUMBANGAN RAMADAN 1444H KELAB KELUARGA KUMPULAN PKNP



Pengurusan Tertinggi bersama Ahli Jawatankuasa Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dan Majlis Bersama Jabatan.

Kuantan, 27 Mac 2023 - Presiden Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman telah menyerahkan sumbangan ramadan kepada Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar baru - baru ini di Tingkat 16, Kompleks Teruntum.

Serahan sumbangan ini adalah satu simbolik pemberian sumbangan dari Kelab Keluarga Kumpulan PKNP kepada anggota pekerja Kumpulan PKNP.

Sementara itu, seramai 220 ahli Kelab Keluarga Kumpulan PKNP menerima sumbangan berupa barangan dapur. Antara barangannya adalah beras, minyak masak, gula, milo, garam, mihun dan sardin.

Program yang diadakan saban tahun ini diteruskan lagi dengan matlamat berkongsi rezeki dan membantu ahli - ahli dalam menjalani bulan Ramadan.

Malah, program ini menandakan keprihatinan kepimpinan Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dalam menjaga kebajikan ahli - ahli kelab.



Sumbangan Ramadan adalah salah satu inisiatif Kelab Keluarga Kumpulan PKNP

## REALISTIC ATTRACTION SDN. BHD. DIBERI PENGIKTIRAFAN SIJIL STANDARD PENGELASAN INDUSTRI KRAF TANGAN MALAYSIA KATEGORI 5 BINTANG

Kuala Lumpur, 6 Mac - Realistic Attraction Sdn. Bhd. (RASB), syarikat pengeluar kraf tekstil Tenun Pahang Diraja yang merupakan anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang telah diberi pengiktirafan menerima Sijil Standard Kraftangan Malaysia kerana memenuhi kriteria Pengelasan Industri Kraf Tangan Malaysia bagi kategori 5 Bintang. Satu-satunya syarikat kraf dari Pahang yang mendapat pengiktirafan Sijil 5 bintang.

Sijil ini telah disampaikan oleh YB. Dato' Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni & Budaya sempena Majlis Perasmian Hari Kraf Kebangsaan 2023. Majlis ini turut dihadiri oleh Yang Amat Bhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, isteri Perdana Menteri Malaysia.

Kraftangan Malaysia menganjurkan program Hari Kraf Kebangsaan 2023 yang berlangsung pada 1 hingga 13 Mac 2023, bermula jam 10 pagi hingga 10 malam bertempat di Kompleks Kraf, Jalan Conlay, Kuala Lumpur.

Program ini telah disertai lebih 380 usahawan kraf yang terdiri dari kraf tekstil, kraf hasil rimba, hasil



YB. Dato' Sri Tiong King Sing menyerahkan sijil kepada Pengurus Realistic Attraction Sdn. Bhd., Puan Noraini binti Misran

logam, hasil tanah dan pelbagai kraf bagi aktiviti pameran dan jualan.

RASB turut menyertai aktiviti jualan kraf tekstil Tenun Pahang Diraja sepanjang program ini berlangsung. Marilah sama-sama kita menyokong industri kraftangan Malaysia dan beramai-ramai berkunjung ke Hari Kraf Kebangsaan 2023 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur.



## SUMBANGAN KERAJAAN NEGERI PAHANG - JUADAH MAKMUR



YH. Dato' Kamarul' Ariffin bersama - sama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif Abdul Malek dan barisan Pengurus Bahagian & Unit.

Kuantan, 17 Mac - Kerajaan Negeri Pahang baru - baru ini mengagihkan 150 pek juadah makanan bersempena Program Juadah Makmur kepada Warga Kerja PKNP di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum.

Sumbangan diserahkan oleh Pegawai Pelaburan Negeri Pahang, YH. Dato' Kamarul' Ariffin bin Ahmad mewakili YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek.

Program Juadah Makmur adalah satu pendekatan baharu yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri hasil daripada inisiatif YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail untuk bersama - sama berkongsi rezeki dengan rakyat di negeri ini.

Program Agihan Juadah Makmur Edisi Khas pagi ini adalah di bawah kendalian Pejabat Menteri Besar sendiri, khas buat agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan serta anak-anak syarikat negeri.

## HARI KELUARGA PKNP 2023 DI VILLEA ROMPIN RESORT & GOLF

Rompin, 5 Mac - Hari Keluarga PKNP 2023 telah diadakan dengan jayanya pada 3 - 5 Mac 2023 di Vilea Rompin Resort & Golf, Rompin, Pahang Darul Makmur dan dihadiri oleh 380 ahli keluarga anggota pekerja PKNP.

Hari Keluarga PKNP ini telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar.

Bertemakan Hikayat 1001 malam, Bahagian Teknik bersama Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan meraih persembahan terbaik melalui persembahan yang berkonsepkan ketuhanan. Tempat kedua pula dimenangi oleh Bahagian Hal Ehwal Korporat bersama Unit Pemantauan Perniagaan. Tempat ketiga pula dimenangi oleh Bahagian Perindustrian dan Bahagian ICT berkongsi bersama Bahagian Pembangunan Hartanah & Audit Dalam.



Aktiviti belon cinta menguji persefahaman antara pasangan

Kemuncak acara adalah pengumuman rumah sukan terbaik untuk edisi Hari Keluarga PKNP 2023. Rumah Merah melakar kejutan apabila diumumkan Rumah Sukan Terbaik diikuti Rumah Biru dengan motonya tenang - tenang tetap menang. Tempat ketiga dibawa pulang oleh Rumah Hijau dan tempat keempat dimenangi oleh Rumah Kuning.

Tahniah kepada semua pemenang untuk acara - acara sukan yang dipertandingkan. Semoga edisi Hari Keluarga PKNP 2023 ini merapatkan lagi ukhwah dan silaturahim yang terbina utuh antara semua anggota pekerja PKNP.



Ketua Rumah Merah, Encik Muhammad Ridhwan bin Suhaimi menerima hadiah mewakili ahli kumpulan Merah yang lain

Pada edisi kali ini, juara sulung PKNP Idol 2023 telah diumumkan pada Majlis Makan Malam & BBQ PKNP. Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman muncul juara manakala naib johan PKNP Idol dimenangi oleh Puan Faridah binti Mohamed Sidek. Tempat ketiga pula dimenangi oleh Encik Muhammad Faiz bin Ab Aziz.



Sukaneka PKNP turut memfokuskan aktiviti untuk kanak-kanak



## PKNP SERTAI MAJLIS BERBUKA PUASA KEMENTERIAN EKONOMI

Putrajaya, 29 Mac - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang yang diwakili oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa Ihya Ramadan Kementerian Ekonomi pada 29 Mac 2023 di Putrajaya.

Hadir bersama - sama adalah Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim, Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim dan Pengurus Pembangunan Hartanah, Kapten Azis bin Mohamad.



Merakam memori bersama Menteri Ekonomi, Tuan Rafizi Ramli dan Ahli Perbadanan PKNP, Y.Bhg. Dato' Herman bin Abdul Hamid

## PEMBUKAAN BAZAR KARAT KOMPLEKS TERUNTUM

Kuantan, 10 Mac - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan Badan Pengurusan Bersama Kompleks Teruntum (BPBKT) telah membuka penyertaan kepada usahawan untuk menyertai Bazar Karat di kaki lima Kompleks Teruntum, Kuantan.

Bazar Karat ini akan beroperasi setiap Jumaat, Sabtu & Ahad dan akan bermula pada 10 Mac 2023 (Jumaat) manakala waktu operasinya adalah dari jam 6.00 petang sehingga 12.00 tengah malam.

Seramai lebih kurang 30 orang penyertaan dalam kalangan usahawan Kuantan telah berdaftar untuk menjadi perintis bagi pembukaan bazar ini.

Pihak PKNP dan BPBKT komited dan menyokong penuh usaha pembangunan Bazar Karat ini serta merancang bagi meluaskan lagi aktiviti ini untuk memberi lebih banyak peluang dan ruang kepada usahawan yang berminat untuk berniaga.

Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan PKNP telah dilantik bagi menyelia tapak niaga serta pendaftaran peserta Bazar Karat ini.



## MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA 40 TAHUN PUSPANITA CAWANGAN NEGERI PAHANG



Antara sebahagian warga kerja PKNP yang hadir di Majlis Makan Malam Sempena 40 tahun PUSPANITA Cawangan Negeri Pahang

Kuantan, 9 Mac - Y.Bhg. Datin Pengerusi PUSPANITA PKNP, Datin Zuhaira binti Zainordin bersama - sama dengan wakil jawatankuasa - jawatankuasa PUSPANITA PKNP yang berkaitan telah menghadiri Majlis Makan Malam Sempena 40 tahun PUSPANITA Cawangan Negeri Pahang bertempat di Astana Ballroom, Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan.

Majlis penuh meriah yang bertemakan 'Purple Night' itu dihadiri oleh lebih kurang 400 orang ahli PUSPANITA dari 11 daerah di Negeri Pahang.

Majlis makan malam dengan moto 40 tahunnya, "Melakar Sejarah Memperkasa Wanita" telah dirasmikan oleh Pengerusi PUSPANITA cawangan Negeri Pahang, Y.Bhg. Datin Sri Kamariah binti Mohamad.

Turut sama hadir di pihak PKNP adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP (Pengurusan), Y.Bhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin.



# PENDAKIAN FUNHIKE BUKIT SUNRISE CABAR STAMINA WARGA KERJA PKNP



Program seperti ini dapat merapatkan silaturahim dan ukhwa antara anggota pekerja Kumpulan PKNP

adalah bersempena Hari Hutan Antarabangsa yang serentak diadakan di seluruh negara .

Objektif utama diadakan aktiviti ini ialah bagi memupuk semangat kesukanan dan merapatkan ukhwa dikalangan warga kerja PKNP serta menggalakkan pengamalan cara hidup yang sihat.

Malah, program yang disertai seramai 42 peserta itu turut disenaraikan dalam Malaysia Book of Records (MBR) sebagai "Largest Participation in Mountain Hike Simultaneously".

Sungai Lembing, 18 Mac - Biro Kembara dan Rekreasi Kelab Keluarga Kumpulan PKNP telah berjaya menganjurkan program Pendakian Funhike Bukit Sunrise baru - baru ini. Program pertama kali pada tahun 2023 oleh Biro Kembara dan Rekreasi yang diketuai oleh Encik Mohd Lizam bin Jemal ini

Program ini telah bermula pada jam 5.30 pagi dan tamat pada jam 12.00 tengah hari mencakupi jarak perjalanan sejauh 11 km. Antara intipati program ini adalah pendakian ke Bukit Sunrise diikuti oleh pendakian ke Bukit Sunset dan berakhir di Air Terjun Sungai Lembing, Kuantan.

## lensaPKNP PHOTOGRAPHY

### FUNHIKE



### SOLAT HAJAT PKNP 2023



### TAZKIRAH JUMAAT



## Bidang Redaksi

**PENAUNG / PENASIHAT**  
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar  
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**PENYELARAS PENERBITAN**  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

**KETUA EDITOR**  
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

**GRAFIK**  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

**JURUFOTO**  
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar